

Kucing lumpuh berkaki roda

» 'Kecik' tak boleh bergerak selepas terlanggar ketika alih kenderaan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Alor Setar

Hati siapa tidak tersentuh melihat kucing comel dalam peliharaan, yang dahulunya aktif dengan keletah manja, tiba-tiba terhad pergerakan akibat kecederaan dialami hingga menyebabkan kedua-dua kaki belakangnya lumpuh.

Nasib malang itu menimpa kucing peliharaan pesara tentera, Zaini Dan, 55, dari Kampung Selarong Lalang Kanan dekat sini, apabila secara tidak sengaja terlanggar si comel terbabit ketika mengalih kenderaan kira-kira tiga bulan lalu.

Kemalangan itu membuatkan si bulus berusia dua tahun yang dipanggil 'Kecik' itu, lumpuh separuh badan bahagian belakangnya sehingga menyebabkan pergerakannya terhad.

Alat beroda bantu bergerak
Namun, demi kasih sayangnya kepada Kecik, Zaini bertekad membela haiwan terbabit kerana yakin keadaan itu mempunyai hikmah tersendiri.

Melihat Kecik yang dahulunya aktif bergerak, kini hanya mampu menyeret kedua-dua belah kaki, Zaini mengambil inisiatif mencipta sebuah alat dilengkapi roda umpama troli khusus untuk me-

nyokong pergerakan kucing terbabit.

Hasilnya, pergerakan si comel yang sebelum ini terhad, mula berubah. Malah Kecik juga kelihatan tidak kekak sama sekali menggunakan kemudahan itu ketika bergerak.

Ketika ditemui, Zaini mengakui tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang reka cipta, namun mengambil inisiatif menghasilkan troli terbabit menggunakan bahan kitar semula.

Berbekalkan dua biji roda yang diberikan jiran, bapa kepada seorang anak itu juga menggunakan span sebagai alas memastikan si comel selesa, selain botol plastik pencuci pakaian yang disambungkan dengan roda sebagai pengangkutan.

Mudah dibuat, murah

"Tiada keistimewaan pada alat yang saya cipta ini sebab senang dibuat, malah tidak membabitkan sebarang kos," katanya.

Menerusi bantuan jirannya, Zaini berkata, mereka menyiapkan alat itu dengan menggunakan alat pengimpal.

Beliau berkata, sebelum adanya troli alat beroda terbabit, Kecik hanya dikurung dalam sangkar berikutan kecacatan dialami menyebabkan haiwan itu malas bergerak.

Selain itu, katanya, Kecik juga gemar membuang air merata-rata tanpa sedar dipercayai berkait rapat dengan kecacatan yang dialaminya sejak perlanggaran berlaku.

"Dulu, Kecik pergi ke luar rumah atau masuk ke tandas setiap kali mahu buang air, saya percaya dia mengalami masalah buah pinggang menyebabkan air ken-



Zaini bersama Kecik yang menggunakan kerusi roda khas yang dibuatnya untuk memudahkan haiwan peliharaannya itu bergerak ketika ditemui di Kampung Selarong Lalang Kanan, Alor Setar.

(FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH)



Kecik menggunakan kerusi roda khas selepas lumpuh ditlanggar.

“Berikutan keadaannya yang sembuh dengan sendiri, saya tidak membawanya ke klinik untuk diperiksa namun anak saya berhajat berbuat demikian bagi memastikan Kecik benar-benar sihat”

Zaini Dan,
Pesara Tentera

cingnya sering mengalir.

"Sebab itu saya kurung dan meletakkan makanannya di dalam sangkar sahaja sebelum ini, namun sejak adanya alat ini, saya mula biarkan dia bermain dan bergerak sekitar ruang tamu," katanya yang memperuntukkan kurang daripada RM20 bagi membeli makanan untuk Kecik setiap bulan.

Mengimbas detik malang buat Kecik, Zaini berkata, ketika itu beliau sama sekali tidak perasan haiwan itu berada di belakang keretanya dan hanya menyedarnya ketika ia mengiau kuat.

Berdarah bawah kereta

Bagaimanapun Zaini amat bersyukur kerana Kecik masih bernyawa, malah selepas memeriksa keadaan haiwan peliharaannya itu, beliau mendapati sebahagian tubuhnya berdarah.

"Saya cepat-cepat bawa dia masuk bilik air untuk cuci semula luka itu dan bubuh cecair pembasmian kuman dan nampaknya lukanya kering dalam tempoh tiga hari saja.

"Berikutan keadaannya yang sembuh dengan sendiri, saya tidak membawanya ke klinik untuk diperiksa namun anak saya berhajat berbuat demikian bagi memastikan Kecik benar-benar sihat," katanya.

Zaini yang kini mengerjakan sawah, berkata walaupun sibuk dengan urusan harian, beliau akan memastikan kucing itu ke ruang tamu sekurang-kurangnya satu jam setiap petang supaya boleh bergerak dengan alat beroda terbabit.

Ikuti BH Plus
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

